

**HUKUMAN BAGI KESALAHAN PENGHINAAN KE ATAS
RASULULLAH SAW MENURUT UNDANG-UNDANG JENAYAH
ISLAM DAN UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA**
*Punishment for the Offence of Insulting the Prophet
Muhammad SAW under Islamic Criminal Law and
Malaysian Laws*

Hasnizam Hashim^{a1}, Intan Nadia Ghulam Khan^{a2}, Haliza A.Shukor^{a3}, Nabilah
Yusof^{a4}

Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800
Nilai, Negeri Sembilan

hasnizam@usim.edu.my (corresponding email)

intan@usim.edu.my

hliza@usim.edu.my

nabilah@usim.edu.my

Abstrak

Perundangan Islam menganjurkan seluruh umat manusia untuk saling menghormati di antara satu sama lain walaupun mempunyai kepercayaan yang berbeza. Fakta ini jelas sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah SAW di dalam surah al-An'am ayat 108. Walaupun Islam jelas membawa mesej keharmonian, perbuatan penghinaan ke atas Rasulullah SAW tetap juga berlaku sehingga ke hari ini walaupun manusia pada era ini sudah dianggap mempunyai tamadun yang tinggi. Apa yang menyedihkan, perbuatan ini bukan hanya dilakukan oleh masyarakat bukan Islam sahaja, namun ia juga turut dilakukan oleh masyarakat Islam itu sendiri dan tidak terkecuali masyarakat Islam di negara kita. Justeru, timbul persoalan adakah mereka yang melakukan perbuatan ini menyedari implikasinya dari sudut undang-undang jenayah Islam dan Undang-Undang sedia ada di Malaysia. Oleh yang demikian, kertas kerja yang menggunakan pendekatan kualitatif ini akan merungkai persoalan tersebut dengan memberikan penerangan yang jelas terhadap implikasi dan hukuman terhadap perbuatan menghina Rasulullah SAW dari sudut undang-undang Jenayah Islam dan Undang-Undang di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa undang-undang terutamanya di Malaysia perlu lebih tegas dalam menangani perbuatan ini bagi menjaga sensitiviti umat Islam dan

mengekalkan keharmonian agama. Peruntukan khusus dan jelas berkaitan penghinaan terhadap Rasulullah SAW serta penalti yang terperinci juga perlu diwujudkan di dalam perundangan negara.

Kata Kunci: Penghinaan Terhadap Rasulullah SAW, Hukuman, Undang-undang Jenayah Islam, Undang-undang di Malaysia

Abstract

Islamic jurisprudence advocates all mankind to respect each other despite having different beliefs. This fact is clear as stated by Allah SAW in Surah al-An'am verse 108. Although Islam clearly delivers the message of harmony, acts of insulting the Prophet SAW still occur to this day even though human beings in this era are considered to be highly civilised nations. What is frustrating is that this act is not only committed by the non-Muslim community, but it is also committed by the Muslim community itself and the Muslim community in Malaysia is no exception. Thus, a question which arises is whether those who commit this act are aware of the implications of their actions from the point of view of Islamic criminal law and the relevant law in Malaysia. Therefore, this paper which employs a qualitative approach will unravel the question by providing a clear explanation of the implications and punishment of the act of insulting the Prophet SAW from the point of view of Islamic Criminal Law and Malaysian Law. The results of the study found that the laws, especially in Malaysia, need to be more stringent in dealing with this offence to respect the Muslims' sensitivity and maintain religious harmony. Specific and clear provisions related to the offence of insulting the Prophet SAW as well as detailed penalties should also be provided in the federal legislation.

Keywords: The Acts of Insulting the Prophet SAW, Punishment, Islamic Criminal Law, Malaysian Law

PENDAHULUAN

Sejak berlakunya insiden 11 September 2001, rasa takut dan benci terhadap Islam yang akhirnya melahirkan sentimen Islamofobia dan tidak suka kepada Islam dan ajarannya menjadi semakin serius dan menguasai pemikiran masyarakat dunia

termasuk masyarakat di negara kita. Apa sahaja yang datang dari Islam dan ajarannya dikaitan sebagai tindakan melampau (*extreme*), keganasan (*terrorism*) dan bertentangan dengan nilai-nilai kemanusiaan serta tidak bertamadun. Siri 'serangan' kepada Rasulullah SAW pula semakin menjadi-jadi dan dilakukan melalui pelbagai medium baru. Fenomena yang berlaku ini sudah pastinya tidak menyenangkan hati umat Islam serta menimbulkan pelbagai tindak balas daripada individu atau golongan tertentu yang akhirnya akan memberi kesan juga terhadap imej Islam walaupun mereka ini berbuat demikian atas dasar mempertahankan maruah Rasulullah SAW dan agama Islam.

Penghinaan terhadap Nabi Muhammad SAW adalah merupakan satu perbuatan yang salah di sisi undang-undang serta tidak beretika. Fenomena penghinaan ini bukan sahaja berlaku di dalam negara kita, bahkan ianya turut berleluasa di seluruh dunia terutamanya di negara bukan Islam seperti Eropah dan beberapa negara Islam di Asia Barat serta Asia Tenggara tanpa sebarang pemantauan antarabangsa. Antara faktor utama yang membawa kepada keberanian golongan ini menghina Rasulullah SAW sewenang-wenangnya adalah kerana kelemahan penguatkuasaan undang-undang yang boleh mensabitkan kesalahan tersebut. Walaupun pada zahirnya penghinaan ini tidak sedikit pun mencacatkan kesucian Islam dan kemuliaan Rasulullah SAW, namun sebagai umat Islam, adalah merupakan suatu kewajipan dan refleksi kecintaan terhadap Rasulullah SAW untuk menafikan segala tohmahan ini serta membawa mereka yang terlibat dalam isu ini ke muka pengadilan agar gejala ini dapat dibendung. Oleh yang demikian, kertas kerja ini akan meneliti pandangan dan perspektif kedua-dua undang-undang syariah dan sivil dalam menangani dan menyelesaikan isu yang dibincangkan ini.

DEFINISI

Istilah "hina" membawa maksud sesuatu yang rendah tarafnya, perasaan hina atau perasaan aib kerana melakukan sesuatu yang tidak baik atau kerana kekurangan sesuatu (Hjh. Noresah Bt. Baharom et al., 2007). Istilah hina dalam konteks tajuk di atas membawa maksud mendatangkan perasaan hina atau perasaan aib.

Perkataan penghinaan pula membawa maksud perihal menghinakan (Hjh. Noresah Bt. Baharom et al., 2007), iaitu sebarang perbuatan sama ada dalam bentuk ucapan, tulisan atau sebarang tindak tanduk yang boleh menyebabkan tidak harmoni, perpecahan atau membangkitkan perasaan permusuhan, kebencian dan prejudis berkaitan dengan agama antara individu atau kumpulan dari agama yang sama atau berlainan agama.

Dalam bahasa Arab perkataan penghinaan merujuk kepada istilah *Istahza'a* yang bermaksud mempersenda atau gurauan yang menyakiti (Al-Hafiz Ibnu Kathir, 2002) Firman Allah SWT dalam surah al-An'am (6), ayat 10:

وَلَقَدْ آسْتَهْزَأُوا بِرُسُلٍ مِّن قَبْلِكَ فَحَاقَ بِالَّذِينَ سَخِرُوا مِنْهُمْ مَا كَانُوا بِهِ يَسْتَهْزِءُونَ

Maksudnya: *Dan demi sesungguhnya telah diperolok-olok beberapa Rasul sebelummu, lalu orang-orang yang mengejek-ejek di antara mereka ditimpakan (balasan azab) bagi apa yang mereka telah perolok-olokkan itu.*

HUKUM BERIMAN KEPADA PARA NABI DAN RASUL SERTA KEISTIMEWAAN RASULULLAH SAW

Beriman dengan semua Rasul yang diutuskan Allah SWT adalah menjadi kewajipan kepada seluruh manusia sepertimana yang dinyatakan di dalam firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah (2), ayat 136 yang bermaksud:

Katakanlah (hai orang-orang mukmin): 'Kami beriman kepada Allah dan apa yang diturunkan kepada kami, dan apa yang diturunkan kepada Ibrahim, Isma'il, Ishaq, Ya'qub dan anak cucunya, dan apa yang diberikan kepada Musa dan Isa serta apa yang diberikan kepada nabi-nabi dari Tuhannya. Kami tidak membeza-bezakan seorangpun diantara mereka dan kami hanya tunduk patuh kepada-Nya'.

Para Rasul telah menjalankan tugas mereka untuk mentauhidkan Allah SWT dengan telah menyampaikan segala hukum dan

undang-undang Allah yang wajib dipatuhi dan segala larangan yang mesti di jauhi oleh setiap manusia bagi tujuan kemaslahatan hidup manusia itu sendiri. Keimanan seseorang itu juga tidak akan diterima di sisi Allah walaupun hanya seorang daripada rasul-rasul tersebut diingkari. Firman Allah SWT di dalam surah al-Nisa' (4), ayat 150 bermaksud:

Sesungguhnya orang-orang yang kufur ingkar kepada Allah dan Rasul-rasulNya, dan (orang-orang yang) hendak membeza-bezakan iman mereka di antara Allah dan Rasul-rasulNya, dan (orang-orang yang) berkata: "Kami beriman kepada setengah Rasul-rasul itu dan kufur ingkar kepada setengahnya yang lain", serta bertujuan hendak mengambil jalan lain antara iman dan kufur itu.'

Rasulullah SAW adalah merupakan penghulu bagi sekalian para nabi dan rasul. Baginda juga adalah merupakan Nabi dan Rasul terakhir yang diutuskan oleh Allah SWT kepada umat manusia seluruhnya sehinggalah hari kiamat. Allah SWT telah mengurniakan pelbagai kelebihan dan mukjizat yang agung kepada Rasulullah SAW. Wahyu yang diturunkan kepada Baginda SAW adalah merupakan satu peraturan yang perlu dilaksanakan oleh seluruh umat manusia sehinggalah ke hari kiamat (Abdul Ghani Abdul Khaliq, 1995). Sebenarnya, selain daripada kelebihan-kelebihan yang dinyatakan ini, terdapat banyak lagi kelebihan-kelebihan lain yang telah diberikan kepada Rasulullah SAW. Antaranya ialah, Baginda juga adalah merupakan seorang pemimpin yang agung sama ada di peringkat keluarga, masyarakat dan juga negara. Baginda juga adalah merupakan seorang pemimpin tentera, peniaga yang berjaya, hakim yang adil, penggubal perlembagaan negara, ahli politik dan lain-lain lagi. Dari sudut politik umpamanya, kebijaksanaan Baginda SAW dapat dilihat dalam menyelesaikan masalah yang timbul di kalangan pemimpin puak dalam kabilah Quraisy dan juga penggubalan Perlembagaan Madinah yang merupakan perlembagaan bertulis pertama di dunia (Mustafa al-Siba'i, 1987).

SEJARAH PENGHINAAN TERHADAP PARA NABI DAN RASUL

Perbuatan menghina atau mengkritik para Nabi dan Rasul bukanlah merupakan suatu perkara baru. Bahkan ia seolah-olah sudah menjadi 'sinonim' dengan sejarah perutusan para Rasul itu sendiri sehingga ada di kalangan para Rasul itu sanggup dibunuh oleh kaumnya sendiri (Dr. Ali al-Sheikh Ahmad Abu Bakar, 1993). Peristiwa seumpama ini telah dirakamkan dengan jelas di dalam al-Qur'an, surah Ali-Imran (2), ayat 112.

Dalam konteks penghinaan yang dilakukan terhadap Rasulullah SAW, ianya dapat dilihat sejak zaman perutusan Baginda sebagai seorang Rasul. Pemimpin-pemimpin kaum Musyrikin seperti Umar bin Hisham (Abu Jahal), Umaiyah bin Khalaf, Utbah bin Rabiah, Syaibah bin Rabiah, Abu Lahab, Abu Suffian bin Harb telah melancarkan serangan peribadi dan penghinaan terhadap Nabi SAW. Seorang pemuda upahan yang bernama Uqbah bin Abi Muiat telah meletakkan najis di atas kepala Rasulullah SAW ketika baginda sedang sujud di dalam solat dan Uqbah telah mengulangi kebiadabannya beberapa kali. Dalam peristiwa Hijrah, Uqbah juga telah menjerut leher Nabi SAW di samping telah mengumpulkan beberapa orang pemuda perkasa untuk membunuh Nabi SAW (Mustafa al-Siba'i, 1987).

Dalam kisah yang lain, dinyatakan bahawa isteri Abu Lahab, Ummu Jamil binti Harb bin Umayyah selalu mencela Nabi SAW dan menyakiti baginda dengan meletakkan duri-duri di jalan-jalan yang dilalui oleh Rasulullah SAW. Tidak cukup dengan itu, dia juga meletakkan duri di hadapan rumah Rasulullah SAW dengan tujuan untuk mencederakan Baginda (Riduan Mohamad Nor & Mohd Asri Mat Daud, 2006).

Dalam insiden yang berlaku di Thaif pula, Baginda SAW telah dilontar dengan batu oleh anak-anak kecil dan dituduh sebagai orang gila. Baginda juga telah ditohmah dengan pelbagai tuduhan. Antaranya Baginda dituduh sebagai seorang penyair yang mereka-reka qasidah (syair) dengan tujuan untuk memperdayakan masyarakat Quraisy pada masa itu. Baginda SAW juga dituduh sebagai seorang tukang sihir dan lain-lain lagi (Dr. Rajih Abdul al-Kurdi, 1999)

Kesimpulannya, sekiranya diteliti, sorotan sejarah telah membuktikan bahawa perbuatan menghina nabi bukanlah suatu perkara baru. Nabi SAW bukan sahaja telah disakiti secara “spiritual” bahkan juga turut disakiti dari segi “fizikal”. Perbuatan menghina nabi masih terus berlaku sehingga ke hari ini namun dalam bentuk yang berbeza.

KEWAJIPAN MEMULIAKAN RASULULLAH SAW DAN LARANGAN MENYAKITI BAGINDA

Rasulullah SAW adalah merupakan kekasih dan utusan Allah SWT kepada umat manusia. Penghormatan yang wajar kepada Baginda telah diterangkan oleh Allah SWT di dalam surah al-Hujurat (49), ayat 2 yang maksudnya:

‘Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengangkat suara kamu melebihi suara Nabi, dan janganlah kamu menyaringkan suara (dengan lantang) semasa bercakap dengannya sebagaimana setengah kamu menyaringkan suaranya semasa bercakap dengan setengahnya yang lain. (Larangan yang demikian) supaya amal-amal kamu tidak hapus pahalanya, sedang kamu tidak menyedarinya.’

Para Sahabat amat komited dalam mempertahankan maruah dan kemuliaan Nabi SAW sama ada ketika Baginda masih hidup ataupun telah wafat. Saidina Abu Bakar RA umpamanya dalam mempertahankan maruah Rasulullah SAW telah mengisytiharkan perang ke atas Musailamatul Kazzab yang mendakwa dirinya sebagai Rasul sejurus selepas kewafatan Rasulullah SAW. (Mustafa al-Siba’i, 1987).

Ibnu Abidin telah menukulkan kata-kata Abu Yusof di dalam kitabnya al-Kharaj tentang hukum menghina Rasulullah SAW. Beliau berkata: ‘Aku telah melihat di dalam kitab al-Kharaj, Abu Yusof telah berkata: Mana-mana orang Islam yang mencela Nabi SAW atau mendustakannya atau memalukannya atau mempertikai kelebihanannya, maka jadi kafir dan tertalak isterinya dengan talak *bain* (talak yang tidak boleh dirujuk semula). Sekiranya bertaubat (dan masuk Islam, maka dia akan menjadi

muslim kembali). Jika enggan bertaubat, maka akan dihukum bunuh (Riduan Mohamad Nor & Mohd Asri Mat Daud, 2006).

SARANAN ISLAM TERHADAP KEWAJIPAN MENGHORMATI AGAMA LAIN

Islam mengiktiraf kebebasan beragama di kalangan manusia dan mengajar penganutnya agar menghormati agama lain. Firman Allah SWT di dalam surah al-An'am (6), ayat 108, maksudnya:

Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, kerana mereka kelak, akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan. Demikianlah Kami memperelokkan pada pandangan tiap-tiap umat akan amal perbuatan mereka, kemudian kepada Tuhan merekalah tempat kembali mereka, lalu Ia menerangkan kepada mereka apa yang mereka telah lakukan.'

Walaupun penghinaan ke atas Nabi terus menerus berleluasa, namun ia tidak menjejaskan keagungan Islam dan Nabi SAW. Walau bagaimanapun, sebagai umat Islam, adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk menjaga 'maruah' agama Islam itu sendiri dan ianya adalah selari dengan *Maqasid al-Syariah* atau objektif syariah itu sendiri iaitu menjaga agama (*Hifz al-Din*). Firman Allah SWT di dalam surah Ghafir (40), ayat 51, maksudnya:

'Sesungguhnya Kami tetap membela serta mempertahankan Rasul-rasul Kami dan orang-orang yang beriman - dalam kehidupan dunia ini dan pada saat bangkitnya saksi-saksi (pada hari kiamat).'

HUKUMAN TERHADAP PERBUATAN MENGHINA RASULULLAH SAW DALAM PERUNDANGAN DI MALAYSIA

Prundangan Sivil

Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan Malaysia memperuntukkan bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Perkara 3 Perlembagaan

Persekutuan memberikan kedudukan yang istimewa bagi agama Islam. Di dalam kes *Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah dll* (2 MLJ 119, 2004), mahkamah menyebut bahawa Perkara 3 (1) adalah signifikan. Mahkamah juga memutuskan bahawa Perkara 3 (1) mempunyai objektif yang bermakna dan luas dan bukan sekadar meletakkan Islam sebagai agama rasmi. Ia mempunyai kesan yang signifikan terhadap konsep kebebasan beragama dan juga ia membenarkan penggunaan kumpulan wang awam bagi kemajuan Islam.

Islam sebagai agama rasmi dan dominan negara ini, hendaklah sentiasa dihormati dan sentimen agama ini hendaklah sentiasa dijaga dan tidak dirobek sehingga membuak rasa gundah dan persengketaan dalam masyarakat Malaysia, terutamanya dalam kalangan masyarakat Islam. Penghinaan terhadap agama Islam boleh menyemarakkan rasa marah dan perpecahan dalam kalangan penduduk pelbagai kaum, dan kemusnahan terhadap agama dominan mencerminkan kemusnahan satu elemen penting sesebuah negara (Shamrahayu A. Aziz. 2007).

Implikasi Perkara 3 yang signifikan juga adalah agama Islam itu dan/ atau simbol-simbol berkaitan dengannya adalah dilindungi oleh undang-undang dan tindakan menghina agama bagi Persekutuan ini adalah suatu kesalahan yang serius. Menghina Nabi Muhammad SAW adalah bermaksud menghina agama Islam itu sendiri kerana Baginda adalah merupakan perutusan Allah dalam menyebarkan agama Islam.

Perkara 10 (1) (a) yang memperuntukkan kebebasan bercakap dan bersuara bagi tiap-tiap warganegara juga berkaitan dalam perbincangan isu ini. Kebebasan ini adalah tertakluk kepada Perkara 10 (2) (a) yang membenarkan Parlimen mengenakan apa-apa sekatan ke atas kebebasan bercakap dan bersuara yang didapatinya perlu atau suai manfaat demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, hubungan baik dengan negara-negara lain, ketenteraman awam atau prinsip moral dan sekatan-sekatan yang bertujuan untuk melindungi keistimewaan Parlimen atau mana-mana Dewan Undangan atau untuk membuat peruntukan menentang penghinaan mahkamah, fitnah, atau pengapian apa-apa

kesalahan. Di antara undang-undang yang digubal untuk menyekat kebebasan bercakap dan bersuara atas dasar ketenteraman awam adalah Akta Hasutan 1948, Akta Polis 1967 dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Justeru, sebarang percakapan atau ungkapan yang boleh mengganggu ketenteraman awam seperti ungkapan menghina Nabi SAW dan agama Islam boleh disekat menggunakan undang-undang yang digubal oleh Parlimen di bawah Perkara 10 (2) (a) atau undang-undang lain yang relevan.

Statut yang berkaitan

Terdapat beberapa akta dan enakmen yang digubal oleh Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang menegaskan apa yang dinyatakan di dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan di atas.

Kanun Keseksaaan (Akta 574) mengandungi peruntukan umum yang menyeluruh untuk menangani kesalahan-kesalahan yang ditakrifkan sebagai menghina agama yang boleh digunakan untuk kesalahan-kesalahan menghina Nabi Muhammad SAW. Sebagai contoh Perenggan 298A akta berkenaan memperuntukkan sesiapa sahaja melalui perkataan samada secara ucapan atau bertulis, atau apa-apa aktiviti atau perbuatan, termasuk penganjuran atau promosi atau apa jua bentuk aktiviti atau sebarang percubaan untuk menganjurkan atau promosi atau akitiviti berkaitan agama yang boleh menimbulkan keadaan tidak harmoni atau perpecahan atau boleh menimbulkan perasaan permusuhan atau kebencian atau prejudis antara individu atau kumpulan agama yang sama atau berlainan agama boleh dihukum penjara tidak kurang dari dua tahun dan tidak melebihi lima tahun sekiranya sabit kesalahan.

Disamping itu juga, Seksyen 3(1)(c) Akta Hasutan 1948 melarang dan menegah sebarang tindakan yang boleh ditakrifkan sebagai mendatangkan kebencian atau penghinaan terhadap mana-mana pihak termasuk hal yang berkaitan agama. Seksyen 2 Akta yang sama menyebut tafsirsan 'menghasut' seperti berikut: apabila dipakai bagi atau digunakan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau apa-apa benda

lain menjadikan perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau benda lain itu sebagai yang mempunyai kecenderungan menghasut. Kecenderungan menghasut seterusnya dijelaskan di bawah Seksyen 3 (1) Akta yang sama. Selain itu, di dalam Seksyen 3(1)(e) Akta Hasutan 1948, terdapat juga larangan kecenderungan bagi mengembangkan perasaan niat jahat dan permusuhan antara kaum atau golongan penduduk yang berlainan di Malaysia. Seksyen 9 Akta Hasutan 1948 membenarkan mahkamah membuat perintah penggantungan akhbar yang mengandungi perkara menghasut. Tindakan menghina Nabi Muhammad SAW boleh dianggap sebagai kecenderungan untuk mengembangkan perasaan niat jahat dan permusuhan antara kaum yang beragama Islam dan kaum yang bukan beragama Islam.

Bahkan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 juga boleh diguna pakai untuk mendakwa sesiapa sahaja yang terlibat didalam sebarang penerbitan, penyebaran dan penjualan bahan-bahan cetak yang provokatif dan menghina agama Islam khususnya menghina Nabi Muhammad SAW Seksyen 4 (1) (a) dan (b) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang mencetak atau menghasilkan atau menyebabkan atau membenarkan dicetak atau dihasilkan dengan mengguna mesin cetak atau mesinnya apa-apa hasil penerbitan atau dokumen yang lucu atau selainnya bertentangan dengan kesopanan awam; atau yang mengandungi perkara mengganas terhadap orang-orang atau harta, menggalakkan pencabulan undang-undang atau terhadap apa-apa perintah yang sah di sisi undang-undang atau yang melakukan pecah keamanan atau yang mungkin membawa kepada pecah keamanan atau menggalakkan perasaan niat jahat, perseteruan, permusuhan, kebencian, ketidak harmonian atau pecah belah, adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

Perundangan Syariah

Daripada perspektif undang-undang Jenayah Islam, perbuatan menghina Rasulullah SAW boleh membawa kepada murtadnya seseorang dan ia termasuk di dalam kategori jenayah Hudud.

Apabila pelakunya enggan bertaubat, maka hukuman mati boleh dilaksanakan ke atasnya (Abdul Qadir 'Audah, 2009). Abu Bakar al-Farisi yang merupakan salah seorang ulama bermazhab Syafi'i pernah berkata: 'Barangsiapa yang menghina Nabi SAW seperti menuduh beliau secara nyata, maka dia dihukum kafir dengan sepakat ulama. Sekalipun dia bertaubat, tetap tidak akan gugur hukuman bunuh yang telah ditetapkan ke atasnya' (Ahmad Ali bin Hajar al-Asqalani, t.t).

Walaupun bagaimanapun dalam konteks perundangan syariah di Malaysia, hukuman Hudud tidak dilaksanakan. Hukuman yang dilaksanakan adalah hukuman takzir sahaja yang bidang kuasanya adalah ditentukan oleh Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984)[Akta 355]. Di bawah Akta ini, Mahkamah Syariah dibenarkan menjatuhkan hukuman maksimum RM5000.00 denda, atau penjara maksimum 3 tahun atau sebatan 6 kali ataupun gabungan antara hukuman-hukuman berkenaan. Bidang kuasa Mahkamah Syariah juga hanyalah terbatas kepada mereka yang beragama Islam sahaja (Hasnizam Hashim & Jasri Jamal, 2014).

Di bawah Akta/ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia, sebarang perbuatan yang dianggap menghina atau menyebabkan agama Islam dipandang hina telah dijadikan satu kesalahan jenayah bertujuan untuk menjaga kesucian agama Islam. Kebanyakan negeri, walaupun terdapat perbezaan pada unguapannya, mempunyai peruntukan yang selaras mengenai kehendak dan aturan kesalahan ini (Siti Zubaidah Ismail, 2017).

Sebagai contoh, Seksyen 9 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 menyatakan seperti berikut;

Mana-mana orang yang, dengan kata-katanya atau perbuatannya, mempersendakan, menghina, mencemuh atau menyebabkan dipandang hina ayat-ayat Al-Quran atau Hadith adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Seksyen ini secara jelas dan tegas melarang dan menegah sebarang tindakan sama ada secara perbuatan, percakapan dan

tulisan yang takrifkan sebagai mempersendakan al-Quran dan al-Hadith. Menghina Nabi SAW adalah juga boleh didakwa di bawah seksyen ini yang memperuntukan hukuman denda atau penjara.

Manakala Seksyen 10 (a) enakmen yang sama menyatakan seperti berikut;

Mana-mana orang yang dengan perkataan yang dapat didengar atau dibaca atau dengan lukisan, tanda atau bentuk lain gambaran yang tampak atau yang dapat dilihat atau dengan apa-apa cara lain:-

(a) Menghina agama Islam atau menyebabkan agama Islam dipandang hina;

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Walaupun di dalam seksyen ini, tidak dinyatakan secara jelas perbuatan menghina Nabi Muhammad SAW, namun menghina Nabi sama ertinya juga menghina Islam. Oleh itu barang siapa yang menghina Nabi SAW boleh didakwa di bawah seksyen ini sebagai menghina Islam.

KES-KES YANG BERKAITAN DENGAN KESALAHAN PENGHINAAN TERHADAP NABI MUHAMMAD SAW

Kes-kes yang berlaku di peringkat antarabangsa

Antara kes penghinaan ke atas Nabi Muhammad SAW yang berlaku di Mesir, sebuah negara Islam adalah dalam bentuk penulisan novel. Seorang lelaki berketurunan Arab Syria yang bermastautin di negara Mesir, Haidar bin Haidar telah dengan sengaja memasukkan watak Nabi Muhammad SAW, Saidatina Khadijah RA dan juga Saidatina Aisyah RA dalam novel tersebut dengan perwatakan yang hina (Riduan Mohamad Nor & Mohd Asri Mat Daud, 2006). Sebagai umat Muhammad SAW, kita tidak

boleh membiarkan penghinaan ke atas Baginda SAW, dengan apa cara sekalipun, terus-menerus dilakukan. Baginda SAW adalah contoh terbaik kepada seluruh manusia sebagaimana yang telah difirmankan oleh Allah SWT dalam Surah al-Qalam (68), ayat 4 yang bermaksud:

“Sesungguhnya engkau Ya (Muhammad) adalah orang yang mempunyai akhlak (budi pekerti) yang tinggi dan hebat”.

Menyamakan Rasulullah SAW dengan watak-watak manusia biasa adalah suatu yang mustahil untuk diterima memandangkan Allah SWT sendiri telah banyak mengangkat darjat kemuliaan Baginda SAW.

Di Nigeria pula, seorang editor sebuah akhbar berbahasa Inggeris “*Nigeria This Day*” telah menghina Nabi Muhammad SAW apabila membuat kenyataan palsu bahawa “...*sekiranya Nabi Muhammad masih hidup, beliau akan membenarkan Pertandingan Ratu Cantik ini diadakan dan Nabi Muhammad juga akan memilih salah seorang peserta pertandingan tersebut sebagai calon isterinya...*” (Riduan Mohamad Nor & Mohd Asri Mat Daud, 2006). Kenyataan ini timbul apabila Pertubuhan Islam Nigeria menghantar nota bantahan dan memorandum kepada Jawatankuasa Penganjuran Ratu Cantik Dunia agar pertandingan tersebut tidak diteruskan lebih-lebih lagi apabila ianya dicadangkan dalam bulan Ramadhan.

Tidak cukup dengan penghinaan tersebut, umat Islam dicabar lagi dengan penghinaan berbentuk lukisan bersiri karikatur yang melambangkan Baginda SAW sebagai seorang pengganas yang tidak bermoral. Dalam lukisan tersebut, Baginda digambarkan sebagai seorang Badwi yang membawa pedang, diapit oleh dua wanita yang bercadar hitam kiri dan kanan Baginda SAW. Dalam karikatur yang lain pula baginda digambarkan sebagai pengganas yang berserban dan pada serbannya terselit sebutir bom. Hal ini telah berlaku di Denmark pada tahun 2005 dalam akhbaranya “*Jyllands Posten*” selepas peristiwa 11 September, dengan niat buruk agar Islam dikaitkan dengan keganasan seperti tohmahan mereka (Riduan Mohamad Nor & Mohd Asri Mat Daud, 2006).

Rentetan daripada perbuatan terkutuk ini, maka banyak negara Islam yang cuba menggambarkan kemarahan mereka dalam bentuk diplomasi seperti menutup kedutaan Denmark di beberapa negara Arab. Namun ianya mengundang lebih banyak keburukan apabila beberapa buah negara Eropah yang lain seperti Perancis, Jerman, Itali, Belanda dan Spanyol turut menyiarkan siri karikatur tersebut atas alasan memberi sokongan moral kepada Denmark (Riduan Mohamad Nor & Mohd Asri Mat Daud, 2006).

Amat malang juga, Malaysia juga turut 'dijangkiti' dengan fenomena penghinaan ke atas Nabi Muhammad SAW apabila beberapa akhbar iaitu "*Sarawak Tribune*" dan akhbar harian Cina "*Guang Ming Daily*" menyiar kembali karikatur akhbar Denmark tersebut di tengah-tengah kemarahan umat Islam seluruh dunia. Sekali lagi kerajaan mengambil langkah menggantung lesen penerbitannya selama dua minggu (Riduan Mohamad Nor & Mohd Asri Mat Daud, 2006).

Di Indonesia, penghinaan terhadap Nabi Muhammad SAW kembali tercetus namun kali ini dilakukan dengan memanfaatkan Teknologi Maklumat. Sebuah blog yang membakar semangat kebencian terhadap Islam ini telah memuatkan komik Nabi Muhammad melalui beberapa laman sesawangnya seperti *wordpress* dan ¹<http://islamreview.com>. Komik penghinaan terhadap baginda SAW ini adalah hasil daripada penyalahgunaan teknologi masa kini.

Pada hari ini, laman sosial juga disalahgunakan oleh orang awam apabila orang yang jahil dalam agama turut menyatakan pandangan masing-masing mengikut hawa nafsu dan ada sebahagian yang mengambil kesempatan untuk melontarkan luahan rasa kebencian mereka terhadap agama Islam dan ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW mengikut kacamata mereka. Malah lebih malang lagi daripada itu apabila ada diantara yang meluahkan perasaan adalah dikalangan umat Islam sendiri.

Pada tahun 2020, Akhbar Sinar Harian pada 11 Ogos 2020 telah melaporkan bahawa Sebuah mahkamah Islam di utara Nigeria

¹ Alamat blog ini adalah <http://www.islamreview.com/>. Lihat juga <http://wordpress.com/report-spam/>

telah menjatuhkan hukuman mati ke atas seorang penyanyi lelaki kerana mempersendakan Nabi Muhammad SAW. Mahkamah Tinggi Syariah di bandar Kono telah mengarahkan Yahaya Aminu Sharif, seorang penyanyi yang berusia 22 tahun dihukum gantung sampai mati kerana menghina Rasulullah dalam salah satu lagunya (Sinar Harian, 11 Ogos 2020).

Kes-kes yang berlaku di Malaysia

Dalam pertengahan tahun 2011, akhbar melaporkan kewujudan sebuah laman blog² yang menghina Allah SWT, Islam dan Nabi Muhammad SAW. Blog itu jelas menghina kewibawaan Islam dan menimbulkan provokasi dalam kalangan masyarakat Islam. Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada ketika itu, Datuk Seri Jamil Khir Baharom dilaporkan berkata bahawa perbuatan itu boleh dianggap sebagai tohmahan keterlaluan kerana ia merupakan usaha memecah belahkan kerukunan masyarakat berbilang kaum di negara ini (Utusan Online, 29 Mei 2011).

Negara juga digemparkan dengan kes seorang paderi, Benjamin Stephen menyampaikan ceramah yang menghina Islam, al-Quran dan Nabi Muhammad SAW di Kuching, Sarawak dalam tahun 2010 (Utusan Online, 30 September 2010).

Satu lagi kes penghinaan terhadap Nabi SAW dan agama Islam sepertimana yang dilaporkan di dalam akhbar adalah kes seorang lelaki yang mendakwa dirinya 'Rasul Melayu', Abdul Kahar Ahmad dihukum penjara 10 tahun dan sebatan enam kali serta denda RM16,500 selepas mengaku bersalah atas lima tuduhan berhubung penyebaran ajaran sesat yang diasaskannya, empat tahun lalu. Yang Arif Tuan Abu Zaky Mohammad memerintahkan hukuman penjara berkuat kuasa dari tarikh Abdul Kahar, 59, ditangkap pada 16 September 2009 yang lalu (Utusan Online, 22 Oktober 2009).

² Alamat blog ini adalah <http://makcikhajjahsittalwuzara2u.wordpress.com>, sepertimana dilaporkan di dalam akhbar, utusan online, 29 Mei 2011.

Hakim tersebut memerintahkan hukuman penjara tiga tahun dan sebatan enam kali bagi tuduhan menyebarkan doktrin palsu mengikut Seksyen 7 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor (EJSNS) 1995, penjara dua tahun dan denda RM4,500 atau penjara setahun bagi tuduhan mempersendakan ajaran Islam mengikut Seksyen 10 EJSNS, penjara setahun dan denda RM3,000 atau penjara setahun bagi kesalahan menghina pihak berkuasa agama dengan mengingkari dan melanggar arahan mufti mengikut Seksyen 12 EJSNS, penjara dua tahun dan denda RM4,500 atau penjara setahun atas kesalahan mengaku sebagai rasul serta penjara dua tahun dan denda RM4,500 atau penjara setahun bagi kesalahan mengisytiharkan diri sebagai Rasul orang Melayu sedangkan pengisytiharan itu adalah palsu serta bertentangan dengan ajaran Islam mengikut Seksyen 8(a) EJSNS (Utusan Online, 22 Oktober 2009). Dalam penghakimannya, Hakim Tuan Abu Zaky menyifatkan kesalahan yang dilakukan oleh Abdul Kahar amat serius serta mengancam keselamatan agama, bangsa dan negara. Menurut Yang Arif lagi, persoalan membabitkan akidah adalah persoalan pokok yang membezakan antara iman dan kufur serta syurga dan neraka. Dalam kes ini, ia bukan sahaja melibatkan tertuduh, malah turut menjerumuskan masyarakat dalam ajaran yang bertentangan dengan Islam (Utusan Online, 22 Oktober 2009).

Pada 5 Mac 2020, seorang penuntut universiti di Malaysia yang berusia 28 tahun, Ain Zafira Md Said telah didenda RM4000 atau tiga bulan penjara oleh Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur setelah beliau mengaku salah secara sedar menghantar komunikasi jelik dan menghina Nabi Muhammad SAW menerusi akaun Facebook beliau. Pelajar ini telah didakwa mengikut Seksyen 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan dihukum mengikut Seksyen 233 (3) akta sama yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan (Berita Harian Online, 5 Mac 2020)

RUMUSAN

Dari segi hukum syarak, perbuatan menghina Rasulullah SAW jelas merupakan satu dosa besar yang menyebabkan pelakunya menjadi murtad sekiranya dia adalah seorang Islam. Melihat kepada kes-kes penghinaan terhadap Baginda SAW, keseriusan perkara ini tidak dapat dinafikan. Instrumen perundangan perlu digunakan bagi mengawal dan mencegah daripada berlakunya penghinaan terhadap Nabi SAW serta menghukum pihak yang bersalah. Sebagai kesimpulan kita boleh merumuskan bahawa, Perlembagaan Persekutuan, akta di peringkat persekutuan dan enakmen di peringkat negeri mempunyai peruntukan yang mencukupi dan menyeluruh untuk mendakwa mana-mana individu atau kumpulan yang melakukan atau cuba melakukan apa-apa bentuk perbuatan yang boleh ditakrifkan sebagai menghina Rasulullah SAW. Sebahagian peruntukan undang-undang ini bukan sahaja melindungi kesucian agama Islam bahkan agama-agama lain di Malaysia. Ini adalah selari dengan tujuan utama penggubal undang-undang tersebut untuk memastikan sikap hormat-menghormati antara agama dan mencegah sebarang unsur yang boleh menggugat keharmonian antara penganut pelbagai agama di negara ini. Persoalannya di sini adalah, adakah dengan penggantungan lesen penerbitan untuk jangka masa tertentu semata-mata dalam beberapa kes yang berlaku sebelum ini mampu membendung serta menyelesaikan isu penghinaan terhadap Baginda SAW? Apakah langkah yang paling wajar diusahakan oleh pihak bertanggung jawab agar usaha tersebut menjamin penghormatan terhadap agama Islam yang dinobatkan sebagai sebuah agama Persekutuan seperti yang ternukil dalam Perlembagaan Persekutuan Negara Malaysia? Justeru, adalah dicadangkan bahawa penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada perlu dimantapkan dan ditambah baik agar agama Islam terpelihara setiap masa dan juga agar tidak wujud ruang- bagi siapapun jua menghina Rasulullah SAW dan agama Islam. Peruntukan yang khusus dan jelas berkaitan penghinaan terhadap Rasulullah SAW juga perlu diwujudkan agar peruntukan serta penalti yang terperinci dapat disediakan.

RUJUKAN

[2004] 2 MLJ 119

Abdul Ghani Abdul Khaliq. (1995). *Hujjiyyat al-Sunnah*. Saudi Arabia: Dar al-'Alamiyyah li al-Kutub al-Islamiyy.

Abdul Majid al-Zindani. (2006). *Mausu'ah al-'Allamah al-Zindani (Kitab al-Tauhid)*. Beirut: Dar al-Khair.

Abdul Qadir 'Audah. (2009). *At-Tashri al-Jinaie al-Islami Muqarinan bi al-Qanun al-Wadhie* (Jil. 1-2 ed.). Kaherah: Dar al-Hadith.

Akta Hasutan 1948

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998

Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Disemak-1988). [Akta 355].

Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984

Akta Polis 1967

Al-Asqalani, Ahmad Ali bin Hajar. (t.t). *Fathul Bari Bi Syarh Sahih al-Bukhari*: Al-Maktabah al-Salafiah.

Al-Asqalani, Ahmad Ali bin Hajar. (t.t). *Fathul Bari Bi Syarh Sahih al-Bukhari*: Al-Maktabah al-Salafiah.

Al-Hafiz Ibnu Kathir. (2002). *Tafsir al-Qur'an al-Azim*. Kaherah: Dar al-Hadith.

Berita Harian Online. (2020). Penuntut Universiti didenda RM4000 hina nabi.

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/03/662152/penuntut-universiti-didenda-rm4000-hina-nabi> (diakses pada 30 September 2020).

Dr. Ali al-Sheikh Ahmad Abu Bakar. 1993. *Ma'alim al-Hijratain ila al-Ard Habasyiah*. Saudi Arabia: Maktabah al-Taubah.

Dr. Haron Din. et al. 1993. *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Jilid 1.

Dr. Mustafa al-Siba'i. (1987). *Al-Sirah al-Nabawiyah Durus Wa 'Ibar*. Al-Ittihad al-'Alamiyy al-Islamiyy.

Dr. Rajih Abdul al-Kurdi. (1999). *Syua' Min al-Sirah al-Nabawiyah fi ahdi al-Makkiy*. Jordan. Dar al-Furqan.

Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995

Hasnizam Hashim & Jasri Jamal. (2014). Transformasi Mahkamah Syariah di Malaysia: Keperluan Kajian Semula

Terhadap bentuk-Bentuk Hukuman Bagi Kes-Kes Jenayah Syariah. *Jurnal 'Ulum Islamiyyah*, 12, 87-103.

Hjh Noresah Bt. Baharom et al. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ismail, Siti Zubaidah. (2017). *Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Kanun Keseksaan (Akta 574).

Perlembagaan Persekutuan Malaysia

Riduan Mohamad Nor & Mohd Asri Mat Daud. (2006). *Penghinaan Terhadap Rasulullah: Implikasi Hukum, menelusuri Sejarah dan Isu Kontemporari*. Selangor: MHI Publications.

Shamrahayu A. Aziz. (2007). "Peruntukan Undang-undang Mengenai Penghinaan Terhadap Agama Islam di Malaysia". *Undang-undang Islam Jenayah, Keterangan dan Prosedur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sinar Harian Online (2020), Penyanyi hina nabi dihukum gantung sampai mati.

<https://www.sinarharian.com.my/article/96147/GLOBAL/Penyanyi-hina-nabi-dihukum-gantung-sampai-mati> (diakses pada 30 September 2021).

Syed Putra Syed Ahmad et al. (1995). *Ensiklopedia Sirah*. (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Jilid VI.

Utusan Online, 22 Oktober 2009.

Utusan Online, 22 Oktober 2009.

Utusan Online, 22 Oktober 2009.

Utusan Online, 29 Mei 2011.

Utusan Online, 30 September 2010.